



25 NOV, 2022

## Penyelidik UTM raih Anugerah Chrysalis YSN-ASM 2022



Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

## Penyelidik UTM raih Anugerah Chrysalis YSN-ASM 2022

**KUALA LUMPUR:** Penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Liew Wen Ching memenangi pertandingan akhir Anugerah Chrysalis Rangkaian Saintis Muda-Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM) 2022 dalam penyelidikan terhadap konsep ‘waste-to-wealth’ atau ‘kekayaan daripada sisa’ bagi peningkatan keselamatan makanan.

ASM dalam kenyataan memaklumkan, Liew bersama-sama penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Muhammad Luqman Nordin dan Shahidah Md Nor daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) mengetengahkan konsep yang menukar sisa pertanian kepada makanan berkhasiat berserta penggalak sistem imun dan kemajuan pembungkusan dalam

usaha menangani kesan daripada krisis keselamatan makanan global.

“Penyelidikan itu membabitkan unjuran penyakit, perubahan iklim, perperangan, inflasi seluruh dunia dan peningkatan populasi global yang akan memberi kesan buruk terhadap keselamatan makanan,” menurut kenyataan itu.

Liew membawa pulang wang tunai RM4,000 dan sijil penyertaan manakala tempat kedua, Lee Hui Jing daripada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) meraih RM3,000 dan A. Nivaarani daripada Universiti Malaysia Kelantan di tempat ketiga menerima RM2,000.

Sementara itu, Nivaarani, Lee dan Noorfatin Aida Baharul Amin dinobatkan Pasukan Terbaik manakala pembentang terbaik

dimenangi Ng Wen Cai daripada Monash University Malaysia.

Chrysalis adalah program kepimpinan perdana tujuh bulan yang dianjurkan oleh YSN-ASM bertujuan mengenal pasti, membangun, mengiktiraf dan memperkasakan pelajar ijazah Doktor Falsafah dalam ekosistem Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Malaysia.

Menerusi program itu sebanyak 15 peserta akhir dinilai secara individu berdasarkan pengetahuan, semangat, kepimpinan, kreativiti, bekerja secara berpasukan dan kemahiran pembentangan.

Pemenang anugerah itu berpeluang mendapat bimbingan selama lima tahun bagi memastikan mereka menjadi penyelidik cemerlang sekali gus memberi sumbangan kepada ekosistem STI Malaysia. — Bernama



25 NOV, 2022

## Penyelidik UTM raih Anugerah Chrysalis YSN-ASM 2022



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,  
ALAM SEMERUAK DAN PERUBAHAN IKLIM

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Liew Wen Ching memenangi pertandingan akhir Anugerah Chrysalis Rangkaian Saintis Muda-Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM) 2022 dalam penyelidikan terhadap konsep 'waste-to-wealth' atau 'kekayaan daripada sisa' bagi peningkatan keselamatan makanan.